



Submission date: 27/08/2020

Accepted date: 10/11/2020

## KEBIMBANGAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM PINTAR DAN BERBAKAT

### *Social Anxiety Among Gifted and Talented Muslim Students*

Amnah Zanariah, Amirah Zainun  
Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia

amnahz@usim.edu.my, amirahzainun@usim.edu.my

#### **Abstract**

This quantitative study was conducted to identify the level of social anxiety among gifted and talented students in one of the gifted and talented Institutions located in Negeri Sembilan, Malaysia. A total of 252 high school students were selected as respondents for this study to represent the gifted and talented students population. The questionnaires for measuring social anxiety used in this study is the Social Anxiety Scale for Adolescent (SAS-A) by La Greca and Lopez (1998). This instrument, with Cronbach's Alpha value of 0.935, is highly reliable. Analysis of data using SPSS 23 was done through descriptive analysis. This study showed that the level of social anxiety among the respondents were high (mean = 2.940). Measures to help students understand and alleviate these social challenges need to be taken by students, teachers, support staff, parents and the community in order to better help these groups. At the end of this study, the researcher proposes the development of motivational module to help students understand and adapt to the uniqueness of this socioemotional issue of social anxiety among Muslim gifted and talented students.

Keywords: Social anxiety, socio emotional, gifted and talented.

#### **Abstrak**

Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kebimbangan sosial di kalangan pelajar pintar dan berbakat di salah sebuah kolej pintar dan berbakat di Negeri Sembilan, Malaysia. Seramai 252 orang pelajar menengah rendah dipilih sebagai responden kajian bagi mewakili populasi pelajar pintar berbakat. Soal selidik kajian ini menggunakan soal selidik Skala kebimbangan sosial (*Social anxiety scale*) oleh La Greca dan Lopez (1998). Instrumen ini mempunyai nilai kesahan (*reliability*) yang tinggi iaitu dengan nilai pekali Alpha

Cronbach .935. Data dianalisis menggunakan SPSS 23 menggunakan analisis deskriptif. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap kebimbangan sosial pelajar pintar dan berbakat yang dikaji mempunyai tahap kebimbangan sosial yang tinggi ( $\text{min}=2.940$ ). Usaha bagi membantu pelajar memahami dan mengurangkan kebimbangan sosial ini perlu dilakukan oleh pelajar sendiri, guru, staf sokongan, ibu bapa dan juga masyarakat bagi membantu golongan ini. Di akhir kajian ini, pengkaji mencadangkan pembangunan modul motivasi bagi membantu pelajar memahami serta dapat menyesuaikan diri dengan keunikan sosioemosi ini iaitu isu kebimbangan sosial dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat muslim.

Kata kunci: Kebimbangan sosial, sosioemosi, pintar dan berbakat.

## PENGENALAN

Pelajar pintar dan berbakat merupakan individu yang unik, menurut Fran oys Gagn  (2015) kepintaran pelajar ini menjurus kepada dua jenis kebolehan individu iaitu keupayaan semula jadi dan kemahiran yang boleh digilap secara sistematis, dikenali sebagai kepintaran dan bakat. Kedua-dua kemampuan diterangkan dan dijelaskan dalam model *Differentiating Model of Giftedness and Talent* (DMGT).

Justeru, pelajar pintar dan berbakat ini sering dikenali sebagai pelajar yang mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam menyelesaikan masalah namun kemahiran yang mereka ada ini bergantung juga kepada potensi yang ada pada individu potensi semula jadi dan disokong pula oleh persekitaran serta peluang yang ada. Terdapat kajian-kajian yang lepas oleh Abu Yazid Bin Abu Bakar (2015), Amnah et al. (2016), King et al. (2018), Olszewski-Kubilius et al. (2014), Pilarinos & Solomon (2016), Ritchotte et al. (2016), Rorlinda et al. (2016), telah membuktikan keistimewaan personaliti ciri-ciri pelajar pintar dan berbakat ini menyebabkan mereka terdedah kepada masalah sosioemosi.

Sosioemosi menurut Rorlinda et al., (2016) merujuk kepada keupayaan seseorang menyesuaikan diri dengan orang lain dalam proses sosialisasi dan kawalan emosi. Di dalam kajian ini isu sosioemosi yang dikaji dibataskan kepada tiga isu utama iaitu isu keinginsempurnaan, kebimbangan sosial dan keterujaan luar biasa yang berlaku di dalam populasi pelajar setelah dijalankan kajian keperluan (*need analysis*). Daniel Goleman mendefinisikan sosioemosi kepada perasaan dan pemikiran tersendiri di bawah keadaan psikologikal dan biologikal, serta ada kecenderungan yang berbeza-beza untuk bertindak. Feldman,R.S (1990) membincangkan bahawa individu yang mengalami masalah kebimbangan sosial tidak mempunyai masalah berinteraksi dengan individu lain. Tetapi apabila mereka dikehendaki melakukan sesuatu tugas di hadapan individu lain, tahap kebimbangan mereka akan memuncak dan fikiran mereka berfokus kepada kemungkinan melakukan suatu kesalahan yang akan

memalukan diri mereka. Sesetengah individu yang menghadapi masalah ini akan menghadapi kesusahan dan merasa teramat malu dan takut untuk berinteraksi dengan individu lain sehingga mereka tidak dapat mengikuti perbualan dengan sempurna. Menurut Versteynen (2013), golongan pelajar pintar dan berbakat ini sentiasa bertarung secara dalaman dan luaran untuk membuat penyesuaian diri dari aspek penerimaan rakan sebaya, persekitaran, minat kendiri, motivasi dan sebagainya akibat konflik kematangan kognitif yang mereka punyai.

Imam Ghazali ada menyatakan bahawa;

“Setiap manusia ada kecerdasan (*intelligences*) masing-masing. Kecerdasan yang ada di ibaratkan seperti benih di dalam pasir, jika benih itu disiram dan dijaga dengan baik maka benih itu akan tumbuh dengan subur jika tidak sebaliknya akan berlaku”.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk pihak-pihak terlibat seperti sekolah, kaunselor, keluarga dan masyarakat untuk lebih peka dengan kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri pelajar pintar dan berbakat ini kerana kognitif dan isu sosioemosi ini tidak dapat dipisahkan dan ia bergerak secara seiring dan kadangkala akan memberikan konflik di dalam diri pelajar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kebanyakan kajian pintar dan berbakat tertumpu kepada aspek kognitif dan mengabaikan aspek keperluan sosioemosi (Amnah et al., 2016). Menurut Sternberg (2017), pelajar pintar berbakat masa kini bukan hanya dinilai dari segi kebolehan kognitif sahaja, malahan elemen kreatif, praktikal, bijaksana dan mempunyai kemahiran etika antara syarat yang perlu ada di dalam penilaian pelajar pintar dan berbakat.

Isu sosioemosi menurut Zaharah Osman (2015) dan Jones et al. (2016), perlu dikenal pasti semenjak di zaman awal persekolahan supaya isu ini dapat dibendung. Jika tidak pelajar akan mengharungi hidupnya dengan pelbagai masalah berpunca daripada isu sosioemosi yang tidak dibantu. Ratna et al. (2012) mendapati, semakin meningkat umur remaja (sekitar umur 14 hingga 16 tahun), semakin meningkat juga kebimbangan sosial yang dihadapi pelajar.

Oleh yang demikian dengan mengetahui tahap kebimbangan sosial pelajar pintar dan berbakat ini maka kita boleh membantu golongan ini dengan mengenal pasti tahap keterujaan luar biasa yang dialami serta melakukan aktiviti intervensi yang boleh membantu menurunkan tahap keterujaan luar biasa yang dialami. Hasilnya, potensi diri pelajar pintar berbakat ini dapat digilap ke arah yang lebih baik.

Isu kebimbangan sosial ini boleh menjaskan prestasi pelajar (Al-Naggar, R.A., Bobryshev, Y.V., 2013; Herbet, K.R., Fales, J., Nangle, W.D., Papadakis, A.A., & Grover, 2013; Mahzam Bt Mohd Saad, 2013; Rorlinda et al., 2016; Sukur, 2017) dan perlu dibantu.

Menurut Farah & Chandler (2018), pemerhatian yang berstruktur dan membuat penilaian terhadap sesuatu isu adalah penting di dalam membantu golongan pelajar pintar ini. Tambahnya lagi proses pembelajaran dan pengajaran merupakan interaksi yang berlaku antara guru dan murid perlu dibuat penilaian atau diukur dari masa ke semasa untuk mendapatkan kualiti yang boleh membantu pelajar dan guru pintar berbakat ini. Oleh yang demikian isu kebimbangan sosial ini perlu diambil berat untuk dibantu.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif bagi mendapatkan data kebimbangan sosial dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Negeri Sembilan. Kajian ini telah dijalankan kepada pelajar pintar berbakat berumur 13 dan 14 tahun di Kolej GENIUS Insan. Intrumen kajian telah diedarkan kepada pelajar terlibat di Pusat Al-Abrar Kolej GENIUS Insan dengan bantuan dua orang fasilitator selama 1 jam 30 minit. Data telah di analisis menggunakan teknik deskriptif.

## **INSTRUMENTASI**

Kajian deskriptif ini menggunakan Instrumen Skala Kebimbangan Sosial Remaja diambil daripada *Social Anxiety Scale Adolescence* (SAS-A): La Greca dan Lopez (1998). Instrumen ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Mahzam (2013) yang menggunakan nama instrumen ini sebagai Skala Kebimbangan Sosial Remaja.

Instrumen ini mengandungi 22 item untuk mengukur pengalaman seseorang (remaja) berkait dengan pengalaman kebimbangan sosial. Skala likert satu hingga lima mata digunakan (1. sangat tidak setuju, 2. tidak setuju, 3. hampir setuju, 4. setuju dan 5. sangat setuju) bagi setiap jawapan pelajar.

**Jadual 1. Keterangan item bagi Skala Kebimbangan Sosial-Remaja.**

Subkonstruk	Nombor item	Bil Item
1.Ketakutan kepada penilaian negatif	3,6,8,9,12,14,17,18	8
2.Penghindaran sosial dan distress baru	1, 2, 4, 5, 7, 10, 13, 20	8
3.Penghindaran sosial dan distress umum	11,15, 16, 19, 21, 22	6
Jumlah keseluruhan item:		22 item

Instrumen ini mempunyai tiga subkonstruk iaitu ketakutan kepada penilaian negatif, penghindaran sosial dan stres baru dan yang terakhir adalah penghindaran sosial dan distress umum. Keseluruhan item adalah berjumlah 22 item.

**Jadiual 2. Nilai Alpha Cronbach item bagi instrumen skala kebimbangan sosial:**

Nilai Alpha Cronbach	Bilangan item
.935	22 item

Nilai Alpha Cronbach .935 menunjukkan instrumen mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima untuk digunakan di dalam kajian ini. Menurut (Kerlinger, 1986; Kothari, Kumar, & Uusitalo, 2014) kebolehpercayaan instrumen akan diterima sekiranya alat ujian tersebut dapat mengukur sesuatu yang hendak diukur dengan tekal. Maksudnya ujian kebolehpercayaan yang tinggi akan memberikan keputusan yang hampir sama walaupun pengujian dijalankan secara berulang kali. Menurut Fraenkel dan Wallen (2009), beliau berpendapat nilai Alpha Cronbach pada tahap .70 hingga .99 merupakan nilai pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima. Oleh yang demikian nilai pekali kebolehpercayaan pada tahap .935 merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima di dalam kajian ini.

**ANALISIS DATA**

Di dalam kajian ini data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS23) bagi menjelaskan tahap kebimbangan sosial pelajar pintar dan berbakat menggunakan nilai minimum, maksimum, min dan standard piawai di dalam menganalisis data.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 3 Tahap kebimbangan sosial dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat:

N	Minimum	Maksimum	Min	Std. Piawai	Tahap
252	1.00	3.00	2.9405	.25332	Tinggi

Dapatkan kajian berdasarkan jadual 3 menunjukkan bahawa tahap kebimbangan sosial pelajar pintar berbakat ini berada di tahap yang tinggi ( $\text{min}=2.94$ ).

## PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kebimbangan sosial bagi pelajar pintar dan berbakat ini berada di tahap yang tinggi. Dapatkan kajian ini menyokong hasil kajian oleh pengkaji lepas iaitu (Goetz, Preckel, Zeidner, & Schleyer, 2008) tentang pelajar pintar dan berbakat mempunyai tahap kebimbangan sosial yang tinggi dan perlu dibantu.

Adalah menjadi keperluan untuk memahami dan meneroka dengan lebih lanjut isu kebimbangan sosial yang dialami pelajar ini sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak (2014), Henderson et al. (2014), Mansor Abu Talib et al. (2016). Menurut Shepardson et al. (2018) intervensi lanjutan perlu bagi membantu golongan pelajar yang mempunyai masalah kebimbangan sosial ini.

## KAJIAN LANJUTAN

Di antara kajian lanjutan yang dicadangkan bagi kajian ini adalah dengan cara menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi meneroka isu kebimbangan sosial yang dialami pelajar, mengadakan kajian tindakan (*action research*) bagi membantu pelajar menangani isu ini dan mengkaji hubungan antara isu kebimbangan sosial dan hubungannya dengan isu sosioemosi yang lain.

Villiers (2009) pula telah mendapat terdapat hubungan antara kebimbangan sosial dan keinginsempurnaan dalam kalangan pelajar kolej. Menurut pendapat pengkaji semakin dewasa pelajar ini akan semakin berkurang tahap kebimbangan sosial yang dialami dalam hidup pelajar. Jika isu sosioemosi gagal dibantu di peringkat awal maka, ia akan berlarutan hingga ke sekolah menengah, universiti, dewasa dan sebagainya. Kajian oleh Mansor Abu Talib et al. (2016) mendapat terdapat hubungan antara keinginsempurnaan (*perfectionism*), kepuasan diri terhadap tubuh badan serta kebimbangan sosial dalam kalangan pelajar universiti.

## KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa, adalah keperluan pelajar untuk mengetahui tahap kebimbangan sosial yang ada di dalam diri mereka untuk dibantu. Guru, staf yang terlibat dengan pelajar-pelajar, guru serta masyarakat juga berperanan memahami serta membantu golongan ini untuk mendapat menyesuaikan diri dengan isu sosioemosi yang dialami. Kajian ini bertujuan hanya untuk mengenal pasti tanda-tanda kebimbangan sosial di peringkat awal, jika isu ini semakin memudaratkan maka pelajar yang terlibat perlu mendapatkan rujukan lanjut atau rawatan kepada pihak yang tertentu seperti dirujuk untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling, dirujuk kepada doktor psikiatri hospital dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Abu Yazid Abu Bakar, & Noriah Mohd Ishak. (2014). Depression, anxiety, stress, and adjustments among Malaysian gifted learners: Implication towards school counseling provision. *International Education Studies*, 7(13). <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p6>
- Abu Yazid Bin Abu Bakar. (2015). Perkhidmatan bimbingan kaunseling pelajar pintar dan berbakat. *Jurnal Perkama*, 19, 1–17.
- Al-Naggar, R.A., Bobryshev, Y.V., & A. (2013). Perfectionism and social anxiety among university students in Malaysia. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 14(1), 51–58.
- Amnah Zanariah Abd. Razak, Amirah Zainun, N. F. A. & S. M. S. (2016). Kajian tentang perfectionism dan stail berfikir pelajar pintar berbakat Muslim di Malaysia. *Proceeding of 2nd International Convention on Islamic Science & Education*.
- Farah, Y. N., & Chandler, K. L. (2018). Structured observation instruments assessing instructional practices with gifted and talented students: A Review of the Literature. *Gifted Child Quarterly*, 62(3), 276–288. <https://doi.org/10.1177/0016986218758439>
- Gagné, F. (2015). Academic talent development programs: a best practices model. *Asia Pacific Education Review*, 16(2), 281–295. <https://doi.org/10.1007/s12564-015-9366-9>
- Goetz, T., Preckel, F., Zeidner, M., & Schleyer, E. (2008). Big fish in big ponds: A multilevel analysis of test anxiety and achievement in special gifted classes. *Anxiety, Stress and Coping*, 21(2), 185–198. <https://doi.org/10.1080/10615800701628827>
- Henderson, L., Gilbert, P., & Zimbardo, P. (2014). Shyness, Social Anxiety, and Social Phobia. In *Social Anxiety: Clinical, Developmental, and Social Perspectives: Third Edition*. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-394427-6.00004-2>
- Herbet, K.R., Fales, J., Nangle, W.D., Papadakis, A.A., & Grover, R. . (2013). Linking

- social anxiety and adolescents romantic relation functioning, Indirect effects and the importance of peers. *Journal Of Youth Adolescence*, 29, 199–212.
- Jones, S. M., Zaslow, M., Darling-Churchill, K. E., & Halle, T. G. (2016). Assessing early childhood social and emotional development: Key conceptual and measurement issues. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 45. <https://doi.org/10.1016/j.appdev.2016.02.008>
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioral research* (3rd Edition). New York: Holt, Rinehart Winston.
- King, N. B., Harper, S., Young, M., Berry, S. C., & Voigt, K. (2018). The impact of social and psychological consequences of disease on judgments of disease severity: An experimental study. *PLoS ONE*, 13(4), 1–12. Retrieved from <http://10.0.5.91/journal.pone.0195338%0Ahttps://liverpool.idm.oclc.org/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a9h&AN=129101222&site=ehost-live&scope=site>
- Kothari, C., Kumar, R., & Uusitalo, O. (2014). Research methodology. In *New Age International*. <https://doi.org/http://196.29.172.66:8080/jspui/bitstream/123456789/2574/1/Research%20Methodology.pdf>
- Mahzam Bt Mohd Saad. (2013). *Kesan pendekatan kognitif tingkah laku dalam kaunseling kelompok terhadap keimbangan sosial dan perhatian fokus kendiri*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mansor Abu Talib, Siang, A. C., & Norhayati Mohd Noor. (2016). Perfectionism, body satisfaction, and social anxiety among Malaysian youth in the universities. *Prosiding Seminar Penyelidikan*, (2014), 177–189.
- Olszewski-Kubilius, P., Lee, S. Y., & Thomson, D. (2014). Family environment and social development in gifted students. *Gifted Child Quarterly*, 58(3), 199–216. <https://doi.org/10.1177/0016986214526430>
- Pilarinos, V., & Solomon, C. R. (2016). Parenting styles and adjustment in gifted children. *Gifted Child Quarterly*, 61(1), 87–98. <https://doi.org/10.1177/0016986216675351>
- Ritchotte, J. A., Suhr, D., Alfurayh, N. F., & Graefe, A. K. (2016). An exploration of the psychosocial characteristics of high achieving students and identified gifted students. *Journal of Advanced Academics*, 27(1), 23–38. <https://doi.org/10.1177/1932202X15615316>
- Rorlinda, Y., Noriah, M. I., Siti Fatimah Mohd Yassin, Aishah Hassan, & Afifah Mohd Radzi. (2016). Kajian jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat (A study of identity and socio-emotional stress among intelligent and talented students). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 42–60.
- Shepardson, R. L., Buchholz, L. J., Weisberg, R. B., & Funderburk, J. S. (2018). Psychological interventions for anxiety in adult primary care patients: A review

- and recommendations for future research. *Journal of Anxiety Disorders*, 54(July), 71–86. <https://doi.org/10.1016/j.janxdis.2017.12.004>
- Sukur, A. (2017). Relationship between emotions and social assessment. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(5), 298–309.
- Versteynen, L. (2013). Issues in the social and emotional adjustment of gifted children: What does the literature say? *New Zealand Journal of Gifted Education*, 13(1), 1–8.
- Villiers, D. P. (2009). Perfectionism and social anxiety among college students. *Dissertation Abstracts International: Section B: The Sciences and Engineering*, 70.
- Wallen, J. R. F. and N. E. (2009). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Zaharah Osman. (2015). Kesan Implementasi modul kompetensi sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. *Journal of Social Science*, 1(78), 75–82.